

# ***Memperkasakan bahasa, kesusasteraan Melayu***

Be  
P

*Mata pelajaran sastera perlu diberi nilai tambah, mampu tawar peluang kerjaya terutama di sektor swasta*



**S**EMINAR Kebangsaan Pendidikan Kesusasteraan Melayu mencadangkan Komponen Sastera (Komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu diperkukuhkan dengan menerapkan unsur yang boleh membantu pelajar dalam konteks kerjaya selepas tamat pengajian.

Penerapan perkara itu diyakini dapat mempertingkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran berkenaan, sekali gus meyakinkan ibu bapa dan masyarakat untuk mendorong anak mereka dalam bidang terbabit kerana tanpanya, subjek berkenaan tidak berupaya menarik pelajar.

Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Siti Khariah Mohd Zubir, mendedahkan tanggapan karya sastera tidak mempunyai nilai komersial, menyumbang kepada kemerosotan minat pelajar terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah.

"Tanggapan ini sangat popular di kalangan pelajar bukan Melayu yang menganggap nilai komersial subjek berkenaan sangat rendah sedangkan subjek lain yang ditawarkan mempunyai nilai komersial, banyak dan lebih relevan," katanya pada seminar di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau memberi contoh pelajar yang mengikuti aliran Ekonomi, akan mengambil Akaun dan Pengajian Perniagaan serta tidak memilih subjek Kesusasteraan kerana tidak



**Naffi Mat**

boleh digandingkan dengan mata pelajaran lain apabila memohon untuk mendapatkan tempat di universiti.

"Ekoran tanggapan itu, ibu bapa turut melatah dan beranggapan Kesusasteraan Melayu hanya membuang masa dan bukan saja tidak menggalakkan anak mereka mengambilnya, bahkan melarang mereka membaca novel serta cerpen," katanya ketika meninjau *Kemerosotan Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu: Satu Kajian*.

Masalah kemerosotan itu diberikan jalan penyelesaian oleh Pensyarah Akademi Pengajian Melayu UM (APMUM), Prof Dr Mohamad Mokhtar Abu Hassan, dengan mencadangkan




**Prof Mohamad Mokhtar Abu Hassan**

sukatan pelajaran mengambil kira perkara yang mempunyai nilai kerjaya seperti penyuntingan sastera, aplikasi multimedia dalam teks sastera dan penulisan karya kreatif.

"Sukatan pelajaran sedia ada tidak memuatkan unsur yang boleh membantu pelajar untuk mendapatkan tempat dalam bidang ekonomi terutama sektor swasta. Selain itu, sektor pekerjaan yang boleh diceburi lulusan sastera terhad dalam bidang perguruan dan penulisan kreatif," katanya ketika menyorot *Penilaian ke Arah Memartabatkan Kembali Kertas Kesusasteraan Melayu STPM*.

Prof Mohamad Mokhtar mencadangkan penyuntingan sastera



**BERKONGSI MAKLUMAT:** Sebahagian daripada peserta seminar khusyuk mendengar penjelasan.





**Prof Madya Dr Mahzan Arshad**

dimasukkan dalam mata pelajaran bagi memungkinkan pelajar mendapat pendedahan penyuntingan terhadap petikan teks sastera secara teori dan praktikal iaitu antara pengetahuan asas dalam kerjaya editor di syarikat penerbitan majalah dan buku.

"Ia juga boleh diperkukuh dengan menyerapkan asas multimedia dalam sastera seperti teks, grafik, audio visual dan animasi serta pembinaan papan cerita." katanya dalam kertas kerja yang disediakan bersama-sama Dr Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Jaafar.

Pandangan Prof Muhammad Mokhtar diperkukuhkan Pensyarah Fakulti Pendidikan UM, Prof Madya Dr Mahzan Arshad, menyarankan pengajaran Kesusasteraan Melayu menawarkan kemahiran baru dalam bidang seni, bagi menjamin peluang dan masa depan pelajar dan menarik minat mereka memilihnya sebagai mata pelajaran pilihan.

"Melalui pengajaran dan pembelajarannya, pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran yang sukar diperoleh dalam mata pelajaran lain. Proses pengajaran dan pembelajaran ini boleh dibentuk dengan tujuan melatih pelajar menjadi aktivis seni yang berbakat dan berkeupayaan luar biasa," katanya ketika menghuraikan *Inovasi ke Arah Menyubur dan Memperkasa Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu*.

Dr Mahzan menekankan pentingnya Kesusasteraan Melayu tampil sebagai mata pelajaran yang menjadikan pelajar menjuarai pelbagai kegiatan seni, selain menghasilkan petugas seni bagi menyokong kegiatan seni seperti jurutera muzik atau penggiat filem bermutu.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pula, Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Naffi Mat, meminta guru merencanakan aktiviti yang mempersiapkan pelajar kepada kehidupan lebih bermakna melalui mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

"Teknik dan aktiviti dalam mata pelajaran itu bukan setakat membaca

**“Bidang penulisan kreatif pula menawarkan prospek kerjaya yang luas kerana mereka yang berbakat dan berminat dalam ini boleh menjadikan ia sebagai kerjaya secara tetap atau sambilan”**

**Prof Dr Mohamad Mokhtar  
Abu Hassan**

*Pensyarah Akademik Pengajian  
Melayu UPM*

**“Pendekatan dan kaedah pengajaran perlu lebih berkesan dan menyeronokkan dengan teks sastera yang meliputi genre puisi, prosa serta drama menjadi bahan utama untuk menyalurkan ilmu lain”**

**Naffi Mat**  
*Pensyarah UPM*

dan mengkaji teks, pemahaman serta menjurus kepada peperiksaan, sebaliknya paradigma guru perlu lebih jauh dengan melihat persoalan masyarakat, manusia dan kemanusiaan yang berlegar di sekeliling kehidupan," katanya ketika membincangkan *Pendidikan Kesusasteraan Melayu: Anjakan dan Pembinaan Jati Diri Bangsa*.

Naffi yakin, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu boleh dipulihkan melalui pemantapan pedagogi guru dengan menyegarkan pengajaran melalui penggunaan komputer dan perisiannya seperti *Power Point, Autoware, Flash dan Flip-album*.

"Tidak ketinggalan Pengajaran Kesusasteraan Melayu dapat dipertingkatkan keberkesanannya apabila guru berupaya memberi kesegaran kepada mata pelajaran berkenaan melalui penyediaan animasi, muzik, grafik dan pergerakan aksi," katanya pada seminar bertema *Pemupukan dan Pemeriksaan Pendidikan Kesusasteraan* anjuran Fakulti Pendidikan UM dan APMUM dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).